



Ruj. Kami: SUK.D200 (01) 15/1/1 Jld.3(103)
Bertarikh : 17 Rabiulawal 1443H
24 Oktober 2021

Ke majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Urusetia Kerajaan Negeri

Semua Ketua Bahagian Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Pengurus Agensi Negeri (Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kelantan)

YB Dato'/ YBhg.Dato'/ YM Tengku/ Tuan / Puan,

**PERALIHAN FASA PENGOPERASIAN PEJABAT KERAJAAN NEGERI KELANTAN MENGIKUT FASA
PELAN PEMULIHAN NEGARA (FASA KETIGA)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 15 Oktober 2021 telah bersetuju untuk membenarkan peralihan fasa bagi **Negeri Kelantan dari Fasa 2 beralih ke Fasa 3 berkuat kuasa mulai 18 Oktober 2021**. Peralihan fasa ini mengikut garis panduan yang ditetapkan Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan peratusan kadar vaksinasi lengkap populasi dewasa.

3. Selaras dengan itu, bagi mengoptimumkan perkhidmatan Kerajaan, maka Pentadbiran Kerajaan Negeri bersetuju supaya **pengoperasian pejabat Kerajaan Negeri Kelantan** akan terus dilaksanakan **secara hibrid** melalui keberadaan di pejabat dan Bekerja Dari Rumah (BDR) dengan menggunakan pendekatan berikut :

- a) Waktu pengoperasian perkhidmatan Kerajaan Negeri di pejabat adalah **mulai 8:00 pagi hingga 3:00 petang (Ahad hingga Rabu) dan 8:00 pagi hingga 2:00 petang (Khamis)**. Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 9 Tahun 2020 Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) Di Agensi Kerajaan Negeri Kelantan adalah tidak terpakai sepanjang arahan pentadbiran ini berkuat kuasa. **Pegawai yang diarahkan bekerja di pejabat perlu terus pulang ke rumah selepas waktu pengoperasian kerana baki jam bekerja dianggap sebagai arahan Bekerja Dari Rumah (BDR);**
- b) Kehadiran ke pejabat pada tahap **80% keseluruhan dan 20% secara BDR** dengan penggiliran **kecuali kakitangan di sektor perkhidmatan perlu dan perkhidmatan di barisan hadapan;**

- c) Perkhidmatan kaunter adalah dibuka **mulai jam 9:00 pagi hingga 3:00 petang pada setiap hari (Ahad hingga Rabu) dan mulai jam 9:00 pagi hingga 2:00 petang pada setiap hari Khamis;**
- d) Penggiliran kakitangan di pejabat bagi **tempoh maksimum 6 jam tidak termasuk waktu rehat dalam tempoh waktu bekerja;**
- e) Semua kursus, seminar, latihan, ceramah, bengkel, mesyuarat dan perbincangan adalah dibenarkan **secara bersemuka hanya melibatkan 50% kapasiti ruang premis/dewan/tempat;**
- f) Mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) berkaitan COVID-19 yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

4. Pelaksanaan BDR adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 5 Tahun 2020 dan Pekeliling Perkhidmatan (Negeri) Bilangan 3 Tahun 2021 Dasar Bekerja Dari Rumah yang jelas memperincikan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi termasuk tidak boleh melaksanakan urusan peribadi dalam waktu bekerja. Sebarang pelanggaran salah laku dalam pematuhan kepada BDR akan dikenakan tindakan tatatertib di bawah Kn.P.U 18 (A)395 – Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Kelantan (Kelakuan dan Tatatertib) (Pindaan) 2009.

5. Arahan ini dipersetujui **berkuat kuasa mulai 1 November 2021 sehingga ke suatu tarikh yang akan diberitahu.**

Sekian, terima kasih.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”
“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' HAJI NORAZMAN BIN ABD GHANI, D.P.S.K (Kelantan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN

s.k.: - YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan